

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KANGAR
DALAM NEGERI PERLIS, MALAYSIA
GUAMAN SIVIL NO. KES: RA-22NCVC-2-06/2020

ANTARA

**BESERI MUAFAKAT ENTERPRISE
(No. Syarikat RA0010176D)**

..... PLAINTIF

DAN

**1. KETUA PENGARAH JABATAN TENAGA
KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA**

**..... DEFENDAN-
DEFENDAN**

**2. PENGARAH JABATAN TENAGA KERJA
NEGERI PERLIS**

3. JABATAN TENAGA KERJA NEGERI PERLIS

**4. KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA**

5. KERAJAAN MALAYSIA

**6. NOOR ASMAH BINTI SEMAN
[NO. K/P: 620513-09-5162]**

**7. AZIZAH BINTI ABDUL
[NO. K/P: 600922-09-5042]**

**8. SURAHANI BINTI LATEH
[NO. K/P: 620602-09-5164]**

9. ROPILAH BINTI JAHYA @ ZAKARIA
[NO. K/P: 690308-09-5052]

10. ZAZALI BIN YAHAYA
[NO. K/P: 631011-09-5027]

11. SARINA BINTI HALIM
[NO. K/P: 700608-09-5034]

12. MALINA BINTI CHAT
[NO. K/P: 671010-09-5014]

13. ROZALI BIN HAMID
[NO. K/P: 611125-09-5043]

14. ZIN BIN AHMAD
[NO. K/P: 731110-09-5063]

15. OTHMAN BIN SHAFII
[NO. K/P: 640216-09-5025]

16. MONA BINTI MD ZAIN
[NO. K/P: 710128-02-5570]

17. ABU KHALIPAH BIN SAMAH
[NO. K/P: 650212-09-5035]

18. IBRAHIM BIN SENAPI
[NO. K/P: 580113-09-5047]

19. JUNIDAH BINTI SUBOH
[NO. K/P: 640320-09-5172]

20. ROSMA BINTI OMAR
[NO. K/P: 620808-09-5178]

- 21. KHALIJAH BINTI IBRAHIM**
[NO. K/P: 650228-02-5584]
- 22. NARIYAH BINTI CHE HAT**
[NO. K/P: 690521-09-5094]
- 23. ANUAR BIN AHMAD**
[NO. K/P: 901121-09-5033]
- 24. IZZUDDIN BIN ABU SEMAN**
[NO. K/P: 771021-09-5041]
- 25. PENTADBIR HARTA PUSAKA ROSMEE BINTI MUSA**
[NO. K/P: 860409-06-5170]
- 26. SALMAH BINTI RASHIP**
[NO. K/P: 630415-09-5168]
- 27. AMINAH BINTI AHMAD**
[NO. K/P: 621024-09-5158]
- 28. MOHD SABRI BIN SAAD**
[NO. K/P: 470214-09-5049]
- 29. HAZANI BIN BAKAR**
[NO. K/P: 681203-09-5043]
- 30. HAMIDAH BINTI ABDUL RAHMAN**
[NO. K/P: 620914-02-5616]
- 31. ZAITON BINTI DAUD**
[NO. K/P: 570125-03-5448]
- 32. SAHDIAH BINTI IBRAHIM**
[NO. K/P: 560506-02-5316]

- 33. NORAINI BINTI AHMAD**
[NO. K/P: 750102-02-6328]
- 34. DARISAH BINTI SEMAN**
[NO. K/P: 570610-09-5102]
- 35. MOHAMAD RIZAIL BIN OTHMAN**
[NO. K/P: 671119-09-5009]
- 36. ZAIRIN BIN AHAZAI**
[NO. K/P: 680905-02-5547]
- 37. MOHD SABRI BIN KASIM**
[NO. K/P: 730303-09-5065]
- 38. SABARIAH BINTI TAIB**
[NO. K/P: 710826-02-5770]
- 39. LELA SARI BINTI MAT REJAB**
[NO. K/P: 650507-09-5032]
- 40. ROHAYA BINTI SABU**
[NO. K/P: 720106-09-5032]
- 41. ROKIAH BINTI HASSAN**
[NO. K/P: 680616-02-5268]
- 42. ZANURI BIN NAYAN**
[NO. K/P: 650709-09-5049]
- 43. MUHAMMAD NURUDDIN BIN HASSAN**
[NO. K/P: 900410-09-5019]

PENGHAKIMAN

PENDAHULUAN

[1] Rayuan ini telah difailkan oleh Perayu/Plaintif yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah ini yang telah –

- (a) membenarkan permohonan Responden/Defendan 1 hingga Responden/Defendan 5 untuk membatalkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintif di bawah Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (selepas ini dirujuk sebagai “KKM 2012”) (Lampiran 15) dengan kos sebanyak RM3,000.00 (Permohonan Kumpulan 1);
- (b) membenarkan permohonan Responden/Defendan 6 hingga Responden/Defendan 43 untuk membatalkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintif di bawah Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012 (Lampiran 18) dengan kos sebanyak RM3,000.00 (Permohonan Kumpulan 2);
dan

- (c) membatalkan permohonan Perayu/Plaintif untuk penggantungan pelaksanaan atau pembayaran wang ke dalam Mahkamah sebagai sekuriti (Lampiran 3) dengan kos sebanyak RM2,000.00 bagi setiap Kumpulan 1 dan Kumpulan 2.

[2] Dalam rayuan ini, Perayu dan Responden-Responden masing-masing akan dirujuk sebagai Plaintif dan Defendan-Defendan sebagaimana di Mahkamah Tinggi Kangar.

LATAR BELAKANG

[3] Plaintif adalah bekas majikan Defendan 6 hingga Defendan 43 dalam tindakan ini (selepas ini dirujuk sebagai “Defendan-Defendan”).

[4] Melalui satu Perintah yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja Cawangan Negeri Perlis bertarikh 23/7/2015, Plaintif telah diarahkan untuk membayar sebanyak RM136,800.00 kepada Defendan-Defendan sebagai jumlah kolektif bayaran perbezaan gaji minima bagi tahun 2013 yang tidak dibayar kepada Defendan 6 hingga Defendan 43 bagi tempoh dari 1/7/2013 hingga 31/12/2013 (selepas ini dirujuk sebagai “Perintah Jabatan Tenaga Kerja (“JTK”) tersebut”). Setiap Defendan tersebut diawardkan sebanyak RM3,600.00.

[5] Plaintiff telah merayu terhadap Perintah JTK tersebut di Mahkamah Tinggi Kangar. Rayuan tersebut telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi Kangar pada 18/3/2020 (selepas ini dirujuk sebagai “keputusan rayuan tersebut”).

[6] Plaintiff yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi Kangar tersebut telah memfailkan Notis Usul bagi Kebenaran Merayu ke Mahkamah Rayuan (selepas ini dirujuk sebagai “Notis Usul tersebut”), namun Notis Usul tersebut telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan pada 2/6/2016. Oleh itu, Perintah JTK tersebut adalah kekal dan berkuat kuasa.

[7] Plaintiff kemudiannya telah gagal, cuai dan ingkar untuk mematuhi Perintah JTK tersebut dan suatu tindakan Saman Penghutang Penghakiman bertarikh 24/7/2019 (selepas ini dirujuk sebagai “JDS tersebut”) telah dimulakan terhadap Plaintiff di Mahkamah Sesyen Kangar.

[8] Plaintiff kemudiannya telah memfailkan Notis Permohonan bagi membatalkan JDS tersebut, namun permohonan Plaintiff tersebut telah ditolak oleh Mahkamah Sesyen Kangar pada 27/7/2020.

[9] Pada masa yang sama, Plaintiff telah memfailkan Writ Saman bertarikh 12/6/2020 dan Pernyataan Tuntutan bertarikh 6/6/2020 terhadap Defendan-Defendan dalam Mahkamah ini dan menuntut daripada Defendan-Defendan seperti yang berikut:

- (a) perisytiharan bahawa prosiding dan perintah di bawah Saman Ketua Pengarah JTK bertarikh 23/7/2015 di bawah Saman No. KBR/PTK KGR/2015/42 adalah tidak sah;
- (b) perintah bahawa Perintah Ketua Pengarah JTK bertarikh 23/7/2015 di bawah Saman No. KBR/PTK KGR/2015/42 adalah dibatalkan dan diketepikan;
- (c) perintah bahawa tuntutan Defendan 6 hingga Defendan 43 dibicarakan semula oleh JTK Kangar dan didengar oleh pegawai pendengar selain Azhani binti Ahmad;
- (d) perintah bahawa sekiranya tuntutan Plaintiff ini dibenarkan dan Plaintiff telah mengambil pinjaman bank untuk membayar Defendan 6 hingga Defendan 43 dan Plaintiff telah membayar Defendan 6 hingga Defendan 43 menggunakan pinjaman tersebut, Defendan-Defendan secara bersesama dan

berasingan mengimbuh balik kerugian yang ditanggung oleh Plaintiff akibat pengambilan pinjaman bank tersebut, jika ada yang akan ditaksirkan;

- (e) Defendan-Defendan, secara berse sama dan berasingan, membayar gantirugi am kepada Plaintiff yang akan ditaksirkan;
- (f) kos tindakan ini terhadap kesemua Defendan; dan
- (g) lain-lain relief yang difikirkan adil dan sesuai oleh Mahkamah yang mulia ini.

[10] Selain itu, Plaintiff turut memfailkan Notis Permohonan bertarikh 12/6/2020 untuk Penggantungan Pelaksanaan Atau Pembayaran Wang Ke Dalam Mahkamah Sebagai Sekuriti (Lampiran 3).

[11] Berikutan daripada tindakan Plaintiff tersebut, Defendan 1 hingga Defendan 5 telah memfailkan Notis Permohonan di bawah Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012 (Lampiran 15) terhadap Plaintiff bagi membatalkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff tersebut.

[12] Defendan 6 hingga Defendan 43 juga turut memfailkan Notis Permohonan di bawah Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012 (Lampiran 18) terhadap Plaintiff bagi membatalkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff tersebut.

[13] Kertas-kertas kausa yang telah difailkan oleh kedua-dua pihak Plaintiff dan Defendan-Defendan dalam tindakan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Writ Saman bertarikh 12/6/2020 (Lampiran 1);
- (b) Pernyataan Tuntutan bertarikh 6/6/2020 (Lampiran 2);
- (c) Notis Permohonan Plaintiff Untuk Penggantungan Pelaksanaan Atau Pembayaran Wang Ke Dalam Mahkamah Sebagai Sekuriti bertarikh 12/6/2020 (Lampiran 3);
- (d) Affidavit Sokongan Plaintiff yang diikrarkan oleh Noorizah binti Md Isa pada 27/5/2020 (Lampiran 4);
- (e) Pernyataan Pembelaan Defendan 1 hingga Defendan 5 (Lampiran 7);

- (f) Afidavit Jawapan Defendan 1 hingga Defendan 5 yang diikrarkan oleh Iskandar bin Jassa pada 4/8/2020 (Lampiran 8);
- (g) Pernyataan Pembelaan Defendan 6 hingga Defendan 43 (Lampiran 13);
- (h) Afidavit Jawapan Defendan 6 hingga Defendan 43 yang diikrarkan oleh Noor Asmah binti Seman pada 15/9/2020 (Lampiran 14);
- (i) Notis Permohonan Defendan 1 hingga Defendan 5 di bawah Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012 bertarikh 29/9/2020 (Lampiran 15);
- (j) Afidavit Sokongan Defendan 1 hingga Defendan 5 yang diikrarkan oleh Iskandar bin Jassa pada 14/9/2020 (Lampiran 16);
- (k) Notis Permohonan Defendan 6 hingga Defendan 43 di bawah Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012 bertarikh 9/10/2020 (Lampiran 18);

- (l) Afidavit Sokongan Defendan 6 hingga Defendan 43 yang diikrarkan oleh Noor Asmah binti Seman pada 9/10/2020 (Lampiran 19);
- (m) Afidavit Jawapan Plaintiff yang diikrarkan oleh Noorizah binti Md Isa pada 9/10/2020 (Lampiran 20);
- (n) Notis Niat Plaintiff Untuk Menggunakan Afidavit Sokongan Noorizah binti Md Isa bertarikh 27/5/2020 sebagai tambahan kepada Afidavit Jawapan Plaintiff bertarikh 9/10/2020 bagi menentang Notis Permohonan Defendan 1 hingga Defendan 5 bertarikh 29/9/2020 (Lampiran 21);
- (o) Notis Niat Defendan 1 hingga Defendan 5 Untuk Menggunakan Afidavit Jawapan Defendan 1 hingga Defendan 5 bertarikh 4/8/2020 sebagai tambahan kepada Afidavit Balasan Defendan 1 hingga Defendan 5 bertarikh 26/10/2020 bagi menyokong permohonan Defendan 1 hingga Defendan 5 dan membalas Afidavit Jawapan Plaintiff bertarikh 9/10/2020 (Lampiran 24);

- (p) Afidavit Balasan Defendan 1 hingga Defendan 5 yang diikrarkan oleh Iskandar bin Jassa pada 26/10/2020 (Lampiran 25);
- (q) Afidavit Balasan Defendan 6 yang diikrarkan oleh Noor Asmah binti Seman pada 26/10/2020 bagi menyokong permohonan Defendan 1 hingga Defendan 5 di Lampiran 15 dan membalas Afidavit Jawapan Plaintiff bertarikh 9/10/2020 (Lampiran 26);
- (r) Afidavit Jawapan 2 dan Tambahan Plaintiff yang diikrarkan oleh Noorizah binti Md Isa bertarikh 2/11/2020 bagi menjawab Afidavit Balasan Defendan 1 hingga Defendan 5 dan Defendan 6 dan tambahan kepada Afidavit Jawapan 1 berkenaan dengan Permohonan Defendan 1 hingga Defendan 5 di Lampiran 15 (Lampiran 28);
- (s) Afidavit Jawapan Plaintiff yang diikrarkan oleh Noorizah binti Md Isa bertarikh 2/11/2020 bagi menjawab Afidavit Sokongan Defendan 6 hingga Defendan 43 berkenaan dengan Permohonan Defendan 6 hingga Defendan 43 di Lampiran 18 (Lampiran 29);

- (t) Notis Niat Plaintiff Untuk Menggunakan Affidavit Jawapan Plaintiff bertarikh 9/10/2020 dan Affidavit Jawapan Plaintiff 2 (tambahan) bertarikh 2/11/2020 sebagai Affidavit Balasan Plaintiff kepada Affidavit Jawapan Defendan 1 hingga Defendan 5 bertarikh 4/8/2020 (Lampiran 30);
- (u) Notis Niat Plaintiff Untuk Menggunakan Affidavit Jawapan Plaintiff bertarikh 2/11/2020 sebagai Affidavit Balasan Plaintiff kepada Affidavit Jawapan Defendan 6 hingga Defendan 43 bertarikh 15/9/2020 (Lampiran 31);
- (v) Notis Niat Plaintiff Untuk Menggunakan Affidavit Sokongan Plaintiff bertarikh 27/5/2020 (Lampiran 4) sebagai tambahan kepada Affidavit Jawapan Plaintiff bertarikh 2/11/2020 bagi menentang Notis Permohonan Defendan 6 hingga Defendan 43 bertarikh 9/10/2020 di Lampiran 18 (Lampiran 32);
- (w) Affidavit Balasan 2 Defendan 1 hingga Defendan 5 yang diikrarkan oleh Azhani binti Ahmad (selepas ini dirujuk sebagai “Azhani”) pada 16/11/2020 bagi membalas Affidavit Jawapan 2 dan Tambahan Plaintiff bertarikh 2/11/2020 yang membantah permohonan Defendan di Lampiran 15 (Lampiran 33); dan

- (x) Affidavit Balasan Defendan 6 hingga Defendan 43 yang diikrarkan oleh Noor Asmah binti Seman pada 18/11/2020 bagi menyokong permohonan Defendan 6 hingga Defendan 43 untuk pembatalan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff di bawah Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012 (Lampiran 34 dan Lampiran 35 – Nota: Kedua-dua Lampiran tersebut adalah merujuk kepada Affidavit yang sama).

ISU UNDANG-UNDANG YANG BERBANGKIT

[14] Isu undang-undang yang berbangkit dalam tindakan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) sama ada Plaintiff berjaya menunjukkan hal keadaan khas (*special circumstances*) bagi menyokong permohonan Plaintiff untuk menggantung pelaksanaan perintah yang dikeluarkan oleh Defendan Kedua terhadap Plaintiff, iaitu untuk membayar award berjumlah RM136,800.00 kepada Defendan 6 hingga Defendan 43;

- (b) sama ada permohonan Defendan 1 hingga Defendan 5 untuk membatalkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff di bawah Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012 (Lampiran 15) bermerit; dan
- (c) sama ada permohonan Defendan 6 hingga Defendan 43 untuk membatalkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff di bawah Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012 (Lampiran 18) bermerit.

ANALISIS, DAPATAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

Isu Pertama

[15] Isu Pertama akan dijawab selepas Mahkamah ini memutuskan persoalan yang berbangkit dalam Isu Kedua dan Isu Ketiga.

Isu Kedua dan Isu Ketiga

[16] Mahkamah ini akan menjawab kedua-dua isu ini secara bersekali.

[17] Defendan 1 hingga Defendan 5 dan Defendan 6 hingga Defendan 43 telah memfailkan dua Notis Permohonan yang berasingan di bawah Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012 (Lampiran 15 dan Lampiran 18), masing-masing bertarikh 29/9/2020 dan 9/10/2020, untuk membatalkan Writ Saman Plaintiff bertarikh 12/6/2020 dan Pernyataan Tuntutan bertarikh 6/6/2020.

[18] Untuk rujukan, Aturan 18 kaedah 19(1) KKM 2012 memperuntukkan seperti yang berikut:

“Pembatalan pliding dan pengendorsan (A. 18, k. 19)

19. (1) Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding memerintahkan supaya dibatalkan atau dipinda mana-mana pliding atau pengendorsan, apa-apa writ dalam tindakan itu, atau apa-apa jua dalam mana-mana pliding atau dalam pengendorsan, atas alasan bahawa –

- (a) ia mendedahkan kausa tindakan atau pembelaan yang tidak munasabah, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan;
- (c) ia boleh menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan itu dengan adil; atau
- (d) ia selainnya adalah suatu penyalahgunaan proses Mahkamah,

dan boleh memerintahkan tindakan itu digantung atau ditolak atau penghakiman dicatatkan dengan sewajarnya, mengikut mana-mana yang berkenaan.”.

[19] Undang-undang mengenai pembatalan pliding di bawah Aturan 18 kaedah 19(1) KKM 2012 adalah mantap. Dalam kes **Sim Kie Chon v. Superintendent of Pudu Prison & Ors. [1985] 2 MLJ 385**, Abdul Hamid C.J. (Malaya) (pada ketika itu) yang menyampaikan keputusan Mahkamah Agung telah menyatakan seperti yang berikut:

“The principle governing the striking out of pleadings is clear in that *it is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under Order 18 Rule 19 of the Rules of the High Court 1980*: “the summary procedure under this Rule can only be adopted *when it can clearly be seen that a claim or answer is on the face of it ‘obviously unsustainable’*.” (*Attorney-General of Duchy of Lancaster v. L. & N.W. Railway Co.*) (Supreme Court Practice 1985).

On an application to strike out the statement of claim and dismiss the action, *the right course for the court is to strike out the claim if it satisfied that a claim does not disclose a reasonable cause of action.*”.

[Penekanan ditambah]

[20] Prinsip undang-undang yang sama telah diikuti dalam satu lagi kes Mahkamah Agung, **Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 3 MLJ 36**, yang mana Mohamed Dzaiddin SCJ (pada ketika itu) telah memutuskan seperti yang berikut:

“The principles upon which the court acts in exercising its powers under any of the four limbs of O 18 r 19(1) of the RHC are well settled. *It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under*

this rule (per Lindley MR in *Hubbuck & Sons Ltd v Wilkinson, Heywood & Clark Ltd*), and *this summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable'* (see *AG of Duchy of Lancaster v L & NW Ry Co*). It cannot be exercised by a minute examination of the documents and facts of the case, in order to see whether the party has a cause of action or a defence (see *Wenlock v Moloney & Ors*).”.

[Penekanan ditambah]

[21] Selanjutnya, Siti Norma Yaakob JCA (pada ketika itu) dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan dalam kes **Pengiran Othman Shah bin Pengiran Mohd. Yussof & Anor. v. Karambunai Resorts Sdn. Bhd. & 3 Ors.** [1996] 1 CLJ 257 telah menyatakan seperti yang berikut:

“The discretionary power to dismiss an action summarily under O. 18, r. 19 and under the inherent jurisdiction of the Court is a drastic power which **should only be exercised in plain and obvious cases**, as the effect of the exercise of such a power is to shut out the plaintiff altogether from pursuing his claim. *Tractor (M) Bhd. v. Tio Chee Hing* [1975] 2 MLJ 1. **Whether a case is plain or obvious does not depend upon the length of time it takes to argue the case but that when the case is argued on the affidavit evidence available, it becomes plain and obvious that the case has no chance of success.** *Mckay & Anor. v. Essex Area Health Authority & Anor.* [1982] 2 AER 771.

When a question of law becomes an issue, this in itself will not prevent the Court from granting the application for as long as **the Court is satisfied that the issue of law is unarguable and unsustainable it may proceed to determine that question.** See *Bank Negara Malaysia v. Mohd Ismail & Ors.* [1992] 1 SCR 445.”.

[Penekanan ditambah]

[22] Berdasarkan penghakiman di atas, sesuatu pliding boleh dibatalkan oleh Mahkamah jika sesuatu kes itu dengan secara nyata dan jelas (*plain and obvious*) mendedahkan kausa tindakan atau pembelaan yang tidak munasabah atau kausa tindakan atau pembelaan itu tidak boleh dipertahankan.

[23] Dalam kes ini, berdasarkan fakta kes, pliding-pliding dan affidavit-afidavit keterangan kedua-dua pihak, peguam-peguam Defendan-Defendan yang terpelajar menghujahkan bahawa Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff tersebut wajar dibatalkan atas alasan-alasan berikut:

- (a) kausa tindakan Plaintiff terhadap Defendan-Defendan ialah cabaran terhadap keputusan Defendan Kedua yang dibuat pada 23/7/2015, yang mana ia adalah suatu keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa awam semasa menjalankan tugas-tugas awamnya dan dakwaan kecuaiian dan salah laku yang berlaku sebelum 23/7/2015. Oleh itu, tindakan Plaintiff memfailkan tindakan ini pada 12/6/2020, iaitu setelah 5 tahun berlalu adalah melepasi tempoh had masa yang dibenarkan oleh statut, sama ada di bawah seksyen 2(a) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*], iaitu 36

bulan bagi tindakan tort kecuaiian, mahupun di bawah Aturan 53 KKM 2012, iaitu 3 bulan bagi mencabar keputusan pihak berkuasa awam;

(b) tindakan Plaintiff mencabar keputusan Defendan-Defendan melalui Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan telah dibuat melalui mod yang salah dan oleh itu, ia adalah suatu penyalahgunaan proses Mahkamah serta berlawanan dengan Aturan 53 KKM 2012;

(c) tindakan Plaintiff dalam kes ini adalah bersifat *res judicata* kerana keputusan Defendan Kedua yang memutuskan Plaintiff bertanggung untuk membayar pekerja-pekerjanya, iaitu Defendan 6 hingga Defendan 43 telah dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi Kangar dan Mahkamah Rayuan. Semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kangar mahupun di Mahkamah Rayuan dahulu, Plaintiff tidak pernah membangkitkan mengenai isu kecuaiian dan salah laku Defendan-Defendan. Oleh itu, menurut Defendan-Defendan, tindakan Plaintiff dalam kes ini merupakan suatu cubaan untuk menangguhkan prosiding pelaksanaan yang telah dibawa oleh

Defendan Kedua terhadapnya dan bersifat sesuatu yang difikirkan kemudian (*afterthought*); dan

- (d) tindakan Plaintiff dalam kes ini tidak membangkitkan apa-apa isu untuk dibicarakan dan adalah bersifat mengaibkan, remeh atau menyusahkan; boleh menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan itu dengan adil; dan suatu penyalahgunaan proses Mahkamah. Oleh itu, adalah wajar tindakan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff tersebut dibatalkan menurut Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012.

[24] Bagi menyokong hujahan Defendan-Defendan di atas, peguam-peguam Defendan-Defendan yang terpelajar telah merujuk kepada beberapa kes undang-undang seperti **Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd (*supra*)**, **Tractors Malaysia Bhd. v. Tio Chee Hing [1975] 2 MLJ 1**, **Raja Zainal Abidin bin Raja Haji Tachik & Ors v British-American Life & General Insurance Bhd [1993] 3 MLJ 16**, **Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd v. Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur & Anor [2016] 2 MLRA 263**, **Konsortium Lord-Saberkat Sdn Bhd v. Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd [2020] MLRAU 118 pg 1**, **Selvaraju a/l Ponniah v Suruhanjaya Perkhidmatan**

Awam Malaysia & Anor [2007] 7 MLJ 1, Hj. Hussin Hj. Ali & Ors. v. Datuk Hj. Mohamed Yaacob & Ors. & Other Cases [1983] CLJ (Rep) 165, Alias Ismail v. Hairuddin Mohamad & Anor [1997] 4 CLJ 669, Ahmad Jefri bin Mohd Jahri @ Md Johari v Pengarah Kebudayaan & Kesenian Johor & Ors [2010] 3 MLJ 145, Tasja Sdn Bhd v. Golden Approach Sdn Bhd [2011] 3 CLJ 751, Jamaal bin Abu Bakar Bawazir lwn Ismail bin Husin dan lain-lain [2020] MLJU 655, Kijal Resort Sdn Bhd v Pentadbir Tanah Kemaman & Anor [2016] 1 MLJ 544, Frankey Leong Pit Fui v. Foong Da Realty Development Sdn Bhd [2019] 1 LNS 741, Tibena Sdn Bhd v. Sabah Urban Development Corporation [2017] MLRHU 1151 pg1 dan Revolusi Rancak Sdn Bhd lwn. Bukit Melita Sdn Bhd & Satu Lagi [2017] MLRHU 1067 pg 1.

[25] Untuk menentang permohonan Defendan-Defendan di bawah Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012 tersebut, peguam Plaintiff yang terpelajar menghujahkan bahawa Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff tersebut tidak wajar dibatalkan kerana –

- (a) tindakan Plaintiff ini adalah berasaskan kepada dua prinsip utama keadilan asasi (*natural justice*), iaitu dalam sesuatu perbicaraan hendaklah tiada berat sebelah (*rule against bias*) dan pihak-pihak diberi hak untuk didengar (*right to be heard*).

Plaintif mendakwa semasa pendengaran kes Plaintif di Mahkamah Buruh berlaku pelanggaran kedua-dua prinsip keadilan asasi tersebut terhadap Plaintif.

Pertamanya, Azhani, iaitu pegawai Jabatan Tenaga Kerja yang mengendalikan dan memutuskan kes Plaintif di Mahkamah Buruh dikatakan telah menghasut Defendan 6 hingga Defendan 43 untuk membuat tuntutan terhadap Plaintif. Oleh itu, Plaintif mendakwa Azhani seorang yang tidak *impartial* dan tidak melaksanakan keadilan. Justeru, prosiding yang dikendalikan dan diputuskan oleh Azhani adalah tidak sah *ab initio* kerana tidak mengambil kira merit tuntutan Defendan 6 hingga Defendan 43. Oleh itu, Plaintif memohon supaya Perintah yang dibuat oleh Azhani diketepikan dan tuntutan Defendan 6 hingga Defendan 43 dibicarakan semula oleh pegawai Jabatan Tenaga Kerja yang lain.

Keduanya, Plaintif mendakwa syarikat itu tidak diwakili peguam semasa prosiding di Mahkamah Buruh. Akibatnya, dokumen-dokumen penting tidak dikemukakan oleh Plaintif semasa prosiding tersebut, antaranya ialah akujanji Defendan 6 hingga Defendan 43 yang tidak akan menuntut daripada Plaintif untuk

perbezaan gaji tahun 2013 sebagai balasan kepada saguhati yang diberikan oleh Plaintiff kepada mereka;

- (b) tindakan Plaintiff dalam kes ini bukan bertujuan untuk membuat penilaian semula terhadap Perintah JTK tersebut tetapi kerana telah berlaku salah bawaan keadilan yang serius dalam prosiding tuntutan Defendan 6 hingga Defendan 43 terhadap Plaintiff di Mahkamah Buruh apabila pegawai yang mendengar, mengadili dan memutuskan tuntutan tersebut, iaitu Azhani adalah pegawai yang sama yang menggesa/menghasut Defendan 6 hingga Defendan 43 untuk membuat tuntutan terhadap firma Plaintiff. Oleh itu, prosiding di Mahkamah Buruh tersebut adalah cacat dan *fatal*;
- (c) tindakan Plaintiff bukan berniat untuk merayu semula terhadap Perintah JTK tersebut tetapi supaya tuntutan Defendan 6 hingga Defendan 43 dibicarakan semula akibat pelanggaran prinsip-prinsip keadilan asasi. Isu ini tidak diputuskan dalam rayuan terhadap Perintah JTK bertarikh 23/7/2015. Oleh itu, doktrin *res judicata* tidak terpakai; dan

- (d) mengenai isu sekatan had masa, Plaintiff menyatakan bahawa fakta utama tindakan ini, iaitu peranan Azhani menghasut Defendan 6 hingga Defendan 43 tersebut hanya diketahui oleh Plaintiff pada 23/8/2019. Oleh itu, Plaintiff menghujahkan bahawa kausa tindakan Plaintiff adalah terakru mulai tarikh tersebut dan bukannya pada tarikh lain. Secara alternatifnya, Plaintiff menghujahkan bahawa jika kausa tindakan Plaintiff dianggap terakru mulai tarikh bicara dan tarikh Perintah JTK pada tahun 2015, ia masih belum melebihi tempoh had masa 6 tahun di bawah seksyen 6 Akta Had Masa 1953 [*Akta 254*]; dan
- (e) mengenai dakwaan bahawa tindakan Plaintiff adalah sesuatu yang difikirkan kemudian, Plaintiff menghujahkan bahawa berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan dalam dokumen-dokumen Plaintiff, dakwaan tersebut adalah tersasar.

[26] Plaintiff telah merujuk kepada nas-nas undang-undang berikut dalam penghujahannya, iaitu **China Commercial Foreign Trade (Singapore) Pte Ltd v KLS Diversified (M) Sdn Bhd [2020] MLJU 1240**, **Farlim Properties Sdn Bhd v Goh Keat Poh & Ors and other appeals [2003] 4 MLJ 654**, **Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd (*supra*)**, **Pet Far Eastern (M) Sdn Bhd v Tay Young**

Huat & Ors [1999] 5 MLJ 558, Omega Holdings Bhd v Dato' Tiah Thee Kian & Ors [2002] 6 MLJ 20 dan Chee Pok Choy v Scotch Leasing Sdn Bhd [2001] 4 MLJ 346.

[27] Setelah Mahkamah ini meneliti dan mempertimbangkan permohonan Defendan-Defendan di bawah Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012 (Lampiran 15 dan Lampiran 18), Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff (Lampiran 1 dan Lampiran 2), Affidavit-Affidavit yang difailkan dalam tindakan ini, penghujahan peguam-peguam Defendan-Defendan dan Plaintiff yang terpelajar dan nas-nas undang-undang yang dikemukakan kepada Mahkamah ini, Mahkamah ini berpuas hati dan mendapati bahawa Defendan-Defendan telah berjaya menunjukkan bahawa Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff tersebut secara nyata dan jelas tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah dan sah kerana tuntutan Plaintiff tersebut dibuat melalui mod yang salah, bersifat *res judicata* dan dihalang oleh had masa statutori.

Mod yang salah

[28] Tuntutan Plaintiff dalam tindakan ini, *inter alia*, adalah supaya prosiding dan perintah di bawah Saman Ketua Pengarah JTK bertarikh 23/7/2015 di bawah Saman No. KBR/PTK KGR/2015/42 diisytiharkan

sebagai tidak sah, Perintah Ketua Pengarah JTK bertarikh 23/7/2015 di bawah Saman No. KBR/PTK KGR/2015/42 dibatalkan dan diketepikan dan tuntutan Defendan 6 hingga Defendan 43 dibicarakan semula oleh JTK Kangar dan didengar oleh pegawai JTK selain Azhani.

[29] Berdasarkan tuntutan Plaintiff tersebut adalah jelas bahawa kausa tindakan Plaintiff terhadap Defendan-Defendan adalah berkaitan dengan cabaran terhadap perintah dan keputusan Defendan Kedua bertarikh 23/7/2015, manakala relief yang dipohon oleh Plaintiff pula adalah bersifat certiorari dan mandamus.

[30] Memandangkan Defendan Kedua adalah pihak berkuasa awam dalam menjalankan tugas-tugas awamnya dan keputusan yang dibuat olehnya merupakan suatu perintah menurut seksyen 69 Akta Kerja 1955 [Akta 265] dan relief yang dipohon pula adalah dalam bentuk perintah certiorari dan mandamus, maka adalah menjadi dapatan Mahkamah ini bahawa sekiranya Plaintiff hendak mencabar perintah dan keputusan yang dibuat oleh Defendan Kedua tersebut, maka ia hendaklah dibuat melalui permohonan semakan kehakiman di bawah Aturan 53 KKM 2012 dan bukannya melalui mod Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan. Ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Aturan 53 KKM 2012

dibaca bersama seksyen 25 dan seksyen 1 Jadual Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91].

[31] Justeru, Mahkamah ini berpendapat bahawa tindakan Plaintiff memfailkan tindakannya melalui mod Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan dan bukannya melalui permohonan semakan kehakiman di bawah Aturan 53 KKM 2012 adalah salah dan *fatal* serta gagal membangkitkan kausa tindakan yang munasabah dan sah terhadap Defendan-Defendan. Oleh itu, pada pendapat Mahkamah ini, Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff tersebut hendaklah dibatalkan kerana merupakan penyalahgunaan proses Mahkamah.

[32] Prinsip undang-undang mengenai kegagalan mematuhi secara ketat prosedur yang telah ditetapkan di bawah KKM 2012 dan kesannya, telah diputuskan secara jelas oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes **Ahmad Jefri bin Mohd Jahri @ Md Johari v Pengarah Kebudayaan & Kesenian Johor & Ors (*supra*)**. Dalam kes ini, James Foong FCJ dalam menyampaikan keputusan Mahkamah telah menyatakan di bahagian diputuskan seperti yang berikut:

“(1) Judicial review provides a means by which judicial control of administrative action is exercised. In Malaysia, supervisory jurisdiction by the High Court over administrative or public bodies is found in O 53 of the

RHC (see paras 6–7); *Council of Civil Service Unions v Minister for the Civil Service* [1985] AC 374 referred.

- (2) ***The stringent conditions imposed by O 53 of the RHC are intended to protect those entrusted with the enforcement of public duties*** against groundless harassment and to reduce delays in resolving applications in the interest of good administration. In the instant case, the appellant was clearly handicapped, inter alia, through limitation of time, in applying for judicial review under O 53 r 3(6) (see paras 15–16); *O'Reilly v Mackman* [1982] 3 All ER 1124 followed.

...

- (4) ***Order 53 of the RHC sets out a specific procedure for an aggrieved party seeking relief against a public authority concerning an infringed right protected under public law.*** When such an explicit procedure is created, then as a general rule ***all applications for such relief must adhere to the procedure prescribed under O 53 of the RHC, failing which the applications would be liable to be struck off for abuse of the process of court.***”.

[Penekanan ditambah]

Res judicata

[33] Berdasarkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff dan Affidavit-Affidavit yang telah difailkan oleh Plaintiff, Mahkamah ini mendapati tuntutan utama Plaintiff masih berkaitan dengan ketidakpuasan hati Plaintiff dengan perintah dan keputusan yang dibuat oleh Defendan Kedua pada 23/7/2015 berhubung dengan perintah bayaran sebanyak RM136,800.00

kepada Defendan 6 hingga Defendan 43 bagi tuntutan perbezaan gaji minima tahun 2013. Oleh itu, Plaintiff telah memohon supaya prosiding dan perintah di bawah Saman Ketua Pengarah JTK bertarikh 23/7/2015 tersebut diisytiharkan sebagai tidak sah, Perintah Ketua Pengarah JTK bertarikh 23/7/2015 di bawah Saman No. KBR/PTK KGR/2015/42 dibatalkan dan diketepikan dan tuntutan Defendan 6 hingga Defendan 43 dibicarakan semula oleh JTK Kangar dan didengar oleh pegawai JTK selain Azhani.

[34] Setelah meneliti affidavit-afidavit keterangan yang telah difailkan oleh kedua-dua pihak dalam tindakan ini, adalah menjadi dapatan Mahkamah ini bahawa kausa tindakan dan tuntutan Plaintiff dalam tindakan ini dengan kausa tindakan dan tuntutan Plaintiff semasa di Mahkamah Buruh pada tahun 2015 dan semasa pendengaran rayuan di Mahkamah Tinggi Kangar dan Mahkamah Rayuan sebelum ini adalah merupakan kausa tindakan dan tuntutan yang sama dan terhadap pihak-pihak yang sama, iaitu Defendan 1 hingga Defendan 43. Disebabkan itulah Plaintiff dalam tindakan ini bersungguh-sungguh memohon kepada Mahkamah ini supaya Perintah Defendan Kedua bertarikh 23/7/2015 tersebut dibatalkan dan diketepikan dan tuntutan Defendan 6 hingga Defendan 43 terhadap Plaintiff dibicarakan semula di Mahkamah Buruh oleh pegawai JTK yang lain.

[35] Pada pendapat Mahkamah ini, tuntutan Plaintiff tersebut tidak harus dipertimbangkan dan dibenarkan oleh Mahkamah ini kerana ia membuka peluang untuk kes tersebut dibicarakan semula (*to relitigate*) dan memberi peluang kedua (*second bite of the cherry*) kepada Plaintiff untuk menghujahkan semula kausa tindakan dan tuntutan yang sama di Mahkamah Buruh.

[36] Selain itu, apa yang lebih penting pada pendapat Mahkamah ini ialah, tuntutan Plaintiff terhadap Defendan-Defendan dalam tindakan di hadapan Mahkamah ini adalah mengenai kausa tindakan dan tuntutan sama yang telah diputuskan oleh Mahkamah Buruh pada tahun 2015 dahulu (lihat ekshibit **NAS 1** dalam Lampiran 14), yang mana keputusan Mahkamah Buruh itu telahpun dirayu oleh Plaintiff ke Mahkamah Tinggi Kangar dan Mahkamah Rayuan (lihat ekshibit **NAS 1** dalam Lampiran 14) dan telah ditolak oleh kedua-dua Mahkamah tersebut. Justeru, berdasarkan undang-undang mantap, kausa tindakan dan tuntutan yang sama tersebut tidak boleh dibenarkan untuk dibicarakan semula dalam prosiding lain di hadapan Mahkamah ini kerana ia bercanggah dengan doktrin *res judicata*.

[37] Mengenai alasan Plaintiff bahawa semasa prosiding di Mahkamah Buruh dahulu Plaintiff tidak diwakili peguam dan bahawa isu kecuaiian dan salah laku pegawai JTK Kangar tersebut hanya baru dibangkitkan dalam tindakan di hadapan Mahkamah ini, Mahkamah ini berpendapat bahawa alasan tersebut adalah tidak *bona fide*, tidak relevan dan tidak bermerit untuk dipertimbangkan oleh Mahkamah ini dalam tindakan ini dan ia adalah bersifat sesuatu yang difikirkan kemudian.

[38] Ini kerana, semasa Plaintiff memfailkan rayuannya terhadap keputusan Mahkamah Buruh tersebut di Mahkamah Tinggi Kangar dan Mahkamah Rayuan, Plaintiff telahpun diwakili peguam. Justeru, jika isu kecuaiian dan salah laku pegawai JTK Kangar tersebut benar-benar wujud, maka ia sepatutnya dimasukkan dalam memorandum dan alasan rayuan Plaintiff pada ketika itu dan tidak wajar dihidkan secara uncit atau satu persatu (*piecemeal*) sepertimana yang dilakukan oleh Plaintiff dalam tindakannya di hadapan Mahkamah ini.

[39] Kegagalan Plaintiff memasukkan isu tersebut dalam alasan memorandum rayuannya, sedangkan Plaintiff telahpun diwakili peguam pada ketika itu, adalah merupakan kecuaiian dan peninggalan (*omission*) di pihak Plaintiff sendiri. Oleh itu, pada pendapat Mahkamah ini, Plaintiff tidak sewajarnya menggunakan pintu belakang untuk mendapatkan peluang

kedua bagi membuka semula tuntutan dan kesnya terhadap Defendan-Defendan di Mahkamah Buruh, iaitu melalui pemfailan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan seperti di Lampiran 1 dan Lampiran 2 tersebut.

[40] Isu berkaitan dengan doktrin *res judicata* telahpun diputuskan dalam beberapa kes undang-undang di negara ini. Dalam kes Mahkamah Persekutuan **Kerajaan Malaysia v Mat Shuhaimi bin Shafiei [2018] 2 MLJ 133**, Ahmad Maarop CJ (Malaya) telah mentafsirkan terma *res judicata* seperti yang berikut:

“[19] *The Latin term ‘res judicata’ literally translated means ‘a matter adjudged’*. The full maxim is *res judicata pro veritate accipitur* which means ‘a matter adjudged is taken as truth’. In explaining what is *res judicata*, in *Asia Commercial Finance (M) Bhd v Kawal Teliti Sdn Bhd* [1995] 3 MLJ 189, the Supreme Court said:

What is *res judicata*? It simply means a matter adjudged, and its significance lies in its effect of creating an estoppel per rem judicatum. When a matter between two parties has been adjudicated by a court of competent jurisdiction, the parties and their privies are not permitted to litigate once more the *res judicata*, because the judgment becomes the truth between such parties, or in other words, the parties should accept it as the truth; *res judicata pro veritate accipitur*. The public policy of the law is that, it is in the public interest that there should be finality in litigation — interest *rei publicae ut sit finis litium*. It is only just that no one ought to be vexed twice for the same cause of action — *nemo debet bis vexari pro eadem causa*. Both maxims are the rationales for the doctrine of *res judicata*, but the earlier maxim has the further elevated status of a question of public policy.

Since a *res judicata* creates an *estoppel per rem judicatum*, the doctrine of *res judicata* is really the doctrine of *estoppel per rem judicatum*, the latter being described sometimes in a rather archaic way as *estoppel by record*. Since the two doctrines are the same, it is no longer of any practical importance to say the *res judicata* is a rule of procedure and that an *estoppel per rem judicatum* is that of evidence. Such dichotomy is apt to give rise to confusion.

The starting point ought to be the celebrated passage by Wigram VC in the case of *Henderson v Henderson* (1843) 3 Hare 100 at p 115 which is:

The plea of res judicata applies, except in special cases, not only to points upon which the court was actually required by the parties to form an opinion and pronounce a judgment, but to every point which properly belonged to the subject of litigation and which the parties, exercising reasonable diligence might have brought forward at the time.

[Penekanan ditambah]

[41] Berdasarkan kes **Kerajaan Malaysia v Mat Shuhaimi bin Shafiei** (*supra*) di atas boleh difahami bahawa *res judicata* bermaksud sesuatu perkara yang telahpun dibicarakan dan diputuskan (*a matter adjudged*) oleh suatu Mahkamah tidak dibenarkan untuk dibicarakan lagi dalam kes yang lain mengenai perkara tuntutan yang sama.

[42] Isu yang sama turut diputuskan oleh Mahkamah Tinggi dalam kes **Frankey Leong Pit Fui v. Foong Da Realty Development Sdn Bhd**

(*supra*) yang mana Celestina Stuel Galid J telah memutuskan seperti yang berikut:

“[49] The same can be also said about the Plaintiff’s allegation that the Defendant had allegedly unlawfully charged the Land for various loans and banking facilities in breach of the DA. It is noted that the Defendant had in paragraph 9 of its Amended Statement of Claim in the 2013 Suit alluded to the charge of the Land to Hock Thai Finance Corporation Berhad as a security for a bridging loan. If indeed this was unlawful, the defendants in the 2013 Suit could and/ ought to have raised the issue therein. As the defendants did not do so then, the Plaintiff cannot now attempt to raise it as an issue in this action. ***It is trite that parties are not entitled to litigate their case by piecemeal.***”.

[Penekanan ditambah]

[43] Selain bersifat *res judicata*, Mahkamah ini bersetuju dengan penghujahan peguam-peguam Defendan-Defendan yang terpelajar bahawa tindakan Plaintiff memfailkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan seperti di Lampiran 1 dan Lampiran 2 tersebut boleh dilihat sebagai usaha Plaintiff untuk melengah-lengahkan dan menangguhkan tindakan pelaksanaan Perintah Defendan Kedua bertarikh 23/7/2015 yang telah difailkan oleh Defendan 6 hingga Defendan 43 terhadap Plaintiff. Tindakan seperti ini adalah tidak adil dan mendatangkan kerugian kepada Defendan 6 hingga Defendan 43 yang sepatutnya sudah boleh melaksanakan dan menguatkuasakan Perintah Defendan Kedua tersebut sebaik sahaja Mahkamah Rayuan menolak rayuan Plaintiff pada 2/6/2016, iaitu kira-kira 5 tahun yang lalu.

[44] Oleh itu, pada pendapat Mahkamah ini, atas alasan *res judicata* ini, Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff tersebut wajar dibatalkan kerana ia merupakan penyalahgunaan proses Mahkamah.

Dihalang oleh tempoh had masa statutori

[45] Memandangkan Defendan Kedua adalah seorang penjawat awam yang melaksanakan kewajipan awam dan kuasa awam, maka apa-apa tindakan atau prosiding yang hendak diambil terhadap Defendan Kedua berkaitan dengan pelaksanaan kewajipan dan kuasa awamnya hendaklah tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198].

[46] Justeru, berkenaan dengan tempoh had masa untuk mencabar apa-apa perintah dan keputusan yang dibuat oleh Defendan Kedua, pada pendapat Mahkamah ini, ia adalah tertakluk kepada seksyen 2(a) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam dan bukannya tertakluk kepada seksyen 6 Akta Had Masa. Oleh itu, apa-apa cabaran terhadap perintah dan keputusan yang dibuat oleh Defendan Kedua hendaklah dibuat dalam tempoh yang tidak melebihi 36 bulan daripada tarikh perintah dan keputusan tersebut dibuat.

[47] Seksyen 2 Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam memperuntukkan seperti yang berikut:

“Protection of persons acting in execution of statutory or other public duty

2. Where, after the coming into force of this Act, ***any suit, action, prosecution or other proceeding is commenced in the Federation against any person for any act done in pursuance or execution or intended execution of any written law or of any public duty or authority*** or in respect of any alleged neglect or default in the execution of any such written law, duty or authority the following provisions shall have effect:

- (a) ***the suit, action, prosecution or proceeding shall not lie or be instituted unless it is commenced within thirty-six months next after the act, neglect or default complained of or, in the case of a continuance of injury or damage, within thirty-six months next after the ceasing thereof;***
- (b) whenever in any such suit or action a judgment is obtained by the defendant, it shall carry costs to be taxed as between solicitor and client;
- (c) where the proceeding is a suit or action for damages, tender of amends before the suit or action was commenced may be pleaded in lieu of or in addition to any other plea;
- (d) if the suit or action is commenced after the tender or offer in writing, or is proceeded with after payment into court of any money in satisfaction of the plaintiff's claim, and the plaintiff does not recover more than the sum tendered, offered or paid, he shall not recover any costs incurred after the tender, offer or payment, and the defendant shall be entitled to costs to be taxed as between solicitor

and client as from the time of the tender, offer or payment, and the costs up to the time of such tender, offer or payment shall be in the discretion of the court:

Provided that this provision shall not affect costs on any injunction in the suit or action.”.

[Penekanan ditambah]

[48] Dalam tindakan ini, memandangkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff tersebut telah difailkan dalam Mahkamah ini pada 12/6/2020, iaitu melebihi tempoh 5 tahun atau 60 bulan daripada tarikh perintah dan keputusan Defendan Kedua pada 23/7/2015, maka adalah menjadi dapatan Mahkamah ini bahawa tindakan Plaintiff memfailkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan tersebut adalah jelas bercanggah dengan kehendak seksyen 2(a) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam. Oleh itu, atas alasan ini, adalah wajar tindakan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff tersebut dibatalkan menurut Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012 kerana ia menyalahgunakan proses Mahkamah.

[49] Berhubung dengan perkara ini, Mahkamah Persekutuan dalam kes **Tasja Sdn Bhd v. Golden Approach Sdn Bhd (*supra*)** telah memutuskan melalui penghakiman yang disampaikan oleh James Foong FCJ seperti yang berikut:

“(1) *In an application for striking out under O. 18 r. 19(1) RHC on the ground of limitation to bring an action*, a distinction must be made as to which provision of the law is used to ground such application. *If it is based on s. 2(a) of Public Authority Protection Act 1948 or s. 7(5) of the Civil Law Act, where the period of limitation is absolute then in a clear and obvious case such application should be granted* without having to plead such a defence.

[Penekanan ditambah]

[50] Dalam kes **Selvaraju a/l Ponniah v Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia & Anor (*supra*)** pula, Nik Hashim FCJ yang menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan telah menghakimi seperti yang berikut:

“(2) *Section 2(a) of the Act is mandatory in its terms. The word ‘shall’ is used twice in that section indicating that the 36 months period in respect of time is a mandatory requirement and it cannot be abridged.*”.

[Penekanan ditambah]

[51] Selanjutnya, Mahkamah Persekutuan dalam kes **Hj. Hussin Hj. Ali & Ors. v. Datuk Hj. Mohamed Yaacob & Ors. & Other Cases (*supra*)** melalui penghakiman yang disampaikan oleh Wan Suleiman FJ telah memutuskan bahawa –

“[1] Where it was clear that the defendant was going to rely on the statute of limitations and there was nothing before the Court to suggest that the plaintiffs could escape from it, the claim would be struck out.”.

[Penekanan ditambah]

[52] Sebagai kesimpulan, berkenaan dengan Isu Kedua dan Isu Ketiga di atas, memandangkan kausa tindakan dan tuntutan Plaintiff dalam tindakan di hadapan Mahkamah ini adalah sama dengan kausa tindakan dan tuntutan terhadap Defendan-Defendan yang telah dibicarakan dan diputuskan oleh Mahkamah Buruh pada 23/7/2015, iaitu berkenaan dengan tuntutan bayaran perbezaan gaji minima pada tahun 2013, dan rayuan Plaintiff terhadap keputusan Mahkamah Buruh tersebut telahpun ditolak oleh Mahkamah Tinggi Kangar dan Mahkamah Rayuan sebelum ini, maka Mahkamah ini berpendapat bahawa doktrin *res judicata* adalah terpakai kepada tuntutan Plaintiff terhadap Defendan-Defendan dalam tindakan di hadapan Mahkamah ini.

[53] Selanjutnya, memandangkan tuntutan Plaintiff dalam Mahkamah ini telah difailkan melebihi tempoh 36 bulan daripada perintah dan keputusan Defendan Kedua yang melaksanakan kewajipan dan kuasa awam, maka tuntutan Plaintiff tersebut adalah *fatal* kerana melebihi had masa mandatori yang ditetapkan di bawah seksyen 2(a) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam.

[54] Bagi menjawab Isu Kedua dan Isu Ketiga tersebut, Mahkamah ini mendapati terdapat merit dalam kedua-dua Notis Permohonan Defendan-Defendan di bawah Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012 seperti di Lampiran 15 dan Lampiran 18 tersebut kerana selain dimulakan dengan mod yang salah, tuntutan Plaintiff terhadap Defendan-Defendan dalam tindakan ini adalah dihalang oleh doktrin *res judicata* dan had masa statutori.

[55] Oleh itu, Mahkamah ini telah membenarkan permohonan Defendan-Defendan untuk membatalkan tuntutan Plaintiff terhadap Defendan-Defendan menurut Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012 kerana tuntutan tersebut adalah remeh dan menyusahkan, boleh menjejaskan dan menghalang perbicaraan tindakan itu dengan adil dan merupakan penyalahgunaan proses Mahkamah.

[56] Memandangkan Mahkamah ini telah membenarkan permohonan Defendan-Defendan untuk membatalkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff dalam tindakan ini, maka Mahkamah ini berpendapat bahawa Isu Pertama yang berbangkit dalam tindakan ini, iaitu berkenaan dengan permohonan Plaintiff untuk menggantung pelaksanaan perintah yang dikeluarkan oleh Defendan Kedua terhadap Plaintiff bertarikh 23/7/2015 sehingga tuntutan Plaintiff terhadap Defendan-Defendan dalam

guaman utama diputuskan oleh Mahkamah ini, iaitu seperti Notis Permohonan di Lampiran 3, telah menjadi akademik dan tidak lagi berbangkit dan relevan.

[57] Oleh itu, Mahkamah ini tidak perlu menjawab Isu Pertama tersebut.

KESIMPULAN

[58] Berdasarkan alasan-alasan di atas, Mahkamah ini telah membenarkan permohonan Defendan 1 hingga Defendan 5 seperti di Lampiran 15 dan permohonan Defendan 6 hingga Defendan 43 seperti di Lampiran 18 untuk membatalkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff dalam tindakan ini menurut Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan/atau (c) dan/atau (d) KKM 2012 tersebut dengan kos sebanyak RM3,000.00 bagi setiap permohonan.

[59] Berikutan daripada perintah tersebut, Mahkamah ini telah menolak permohonan Plaintiff untuk penggantungan pelaksanaan atau pembayaran wang ke dalam Mahkamah sebagai sekuriti seperti di Lampiran 3 dengan kos sebanyak RM2,000.00 bagi Defendan 1 hingga Defendan 5 dan RM2,000.00 bagi Defendan 6 hingga Defendan 43.

[60] Sebagai rumusan –

- (a) Mahkamah ini tidak perlu menjawab Isu Pertama;
- (b) Mahkamah ini menjawab ya bagi Isu Kedua; dan
- (c) Mahkamah ini menjawab ya bagi Isu Ketiga.

Bertarikh : 20 Disember 2021



(DR. ARIK SANUSI BIN YEOP JOHARI)

Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya, Kangar
Negeri Perlis

Peguam cara pihak-pihak –

Peguam Cara Plaintiff:

Encik Idris bin Md Isa
(Bersama Encik Muhammad Aliff bin Shafiq Maskor)
Tetuan Idris & Partners
Peguambela dan Peguamcara
No. 4-B, Jalan BRP ½
Bukit Rahman Putra U20
40160, Sungai Buloh
Selangor Darul Ehsan

Peguam Cara Defendan 1 hingga Defendan 5:

Puan Aliza binti Jamaluddin
Peguam Kanan Persekutuan
Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis
Bangunan Jam Besar
Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan
01000, Kangar
Perlis

Peguam Cara Defendan 6 hingga Defendan 43:

Puan Khazatul Naima binti Abd Talib
(Bersama Puan Norharniza binti Rusli)
Tetuan Norharniza Rusli & Co.
Peguambela dan Peguamcara
No.1A & 1B, Lot Niaga
KM 3.5, Jalan Hospital
Abi Tok Hashim
01000, Kangar
Perlis